

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Golongan remaja boleh menceburkan diri dalam Industri Kecil dan Sederhana melalui _____ kek, kerepek, dan kuih tradisional.
 A buatan
 B membuat
 C pembuatan
 D perbuatan
- 2 Hasna mengupah seorang _____ untuk mengambil gambar majlis perkahwinannya pada bulan depan.
 A juruacara C jurugambar
 B juruanimasi D juruvideo

Soalan 3 – 4

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Siswazah yang menganggur boleh menceburi bidang pertanian yang mendatangkan pulangan yang lumayan.
 A yang kedatangan pulangan yang lumayan
 B yang datang pulangan yang lumayan
 C yang mendatangi pulangan yang lumayan
 D yang mendatangkan pulangan yang lumayan
- 4 Pendidik yang dedikasi dan komited menjalankan tugasnya akan melahirkan lebih banyak murid yang cemerlang dalam bidang yang diceburi kelak.
 A cemerlang dengan bidang diceburi
 B cemerlang antara bidang diceburi
 C cemerlang di dalam bidang diceburi
 D cemerlang dalam bidang yang diceburi

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 5 I Cara dia bertindak seperti arwah ayahnya.
 II Cef Wan menunjukkan cara membuat kek lapis Sarawak.
 III Cara Azura berfikir menunjukkan kebijaksanaannya.
 IV Beliau dipilih sebagai cara majlis yang gilang-gemilang itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 6 – 7

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 6 I Kerjaya jururawat ialah pekerjaan yang mulia dan profesional.
 II Haliza belajar dengan bersungguh-sungguh agar cita-citanya tercapai.
 III Dia telah mengambil keputusan untuk membuka sebuah bengkel membaiki basikal.
 IV Bidang sukan mampu menjanakan pulangan yang lumayan jika sekiranya diceburi secara serius.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 7 I Azahari meminati seni reka bentuk grafik.
 II Pemilihan kerjaya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.
 III Kerjaya merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia.
 IV Kerjaya sebagai jurusolek mungkin nampak mudah bagi setengah orang.
 A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja